



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### HIMPUNAN ROBOT TERBANYAK DI PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 27 Februari** – Pertandingan Robotic Lego Education “Tug Of War” Peringkat Antarabangsa sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Persatuan Robotik WP Putrajaya hari ini mengumpul robot terbanyak di WP Putrajaya. Sebanyak 1,456 robot yang dihasilkan oleh para peserta pertandingan dari pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, berasrama penuh, MRSM, swasta dan juga kolej teknik dan vokasional.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan turut teruja menyaksikan kreativiti anak-anak muda menghasilkan pelbagai jenis ciptaan robot “tug of war” di program tersebut. Malah pertandingan ini juga turut mendapat penyertaan antarabangsa iaitu dari satu pasukan dari negara Korea Selatan, 2 pasukan dari Thailand dan 2 pasukan dari Indonesia.

Melalui program ini dapat mengukur kreativiti dan kebijaksanaan murid serta memupuk minat murid menerusi program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di luar bilik darjah. Selain itu, pertandingan ini dapat mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan seterusnya melahirkan pelajar yang sentiasa memiliki idea daya cipta yang tinggi. Pertandingan Robotik yang diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2018 di bawah kluster sukan dan rekreasi disertai oleh para pelajar di antara 7 hingga 19 tahun. Melalui penganjuran pertandingan ini bukan sahaja menyuntik minat para pelajar dalam bidang reka cipta sains dan teknologi tetapi juga

menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi yang memerlukan murid menjadi inovatif dan kreatif. Diharapkan melalui inisiatif yang dibuat ini dapat mewarnai lagi dunia sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan dalam pasaran kerja.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**